



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MODEL KOMUNIKASI *BIL-HIKMAH*  
IBU BAPA DAN ANAK DALAM  
MEMBIMBING SEKSUALITI  
REMAJA**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FATIN FARHANAH BINTI AMMER**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2025**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MODEL KOMUNIKASI *BIL-HIKMAH* IBU BAPA DAN ANAK DALAM  
MEMBIMBING SEKSUALITI REMAJA**

**FATIN FARHANAH BINTI AMMER**



05-4506832



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**



ptbupsi

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSPPS-380 32  
Print - 00.mvi 1/1



Sila tanda (v)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...9...(hari bulan).....9..... (bulan) 20.25...

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, Fatin Farhanah Binti Ammer, M20221001906, Fakulti Sains Kemanusiaan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Model Komunikasi Bil-Hikmah Ibu Bapa Dan Anak Dalam Membimbing Seksualiti Remaja

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelesnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, Dr Sakinah Bt Salleh (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Model Komunikasi Bil-Hikmah Ibu Bapa Dan Anak Dalam Membimbing Seksualiti Remaja

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Pendidikan Moral) \_\_\_\_\_ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

9/9/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia  
**DR. SAKINAH SALLEH**  
Penyarah Kanan  
Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karakter  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

LIPONPS-3/00/31/  
Pind. 01 mk/11



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Model Komunikasi Bili-Hikmah Ibu Bapa Dan Anak Dalam  
Membimbing Seksualiti Remaja

No. Matrik / Matric's No.: M20221001906

Saya / I: Fatim Farhanah Binti Ammer

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 9/9/2025

  
DR. SAKINAH SALLEH  
(Tandatangan Pengerusi/Signature of Supervisor)  
& (Matrik/No. Matrik/ID Card dan Pembetulan/Official Stamp)  
Fakulti Sains Kemasyarakatan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempat laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya berjaya menyiapkan tesis ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan sepanjang proses kajian dan penulisan tesis ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr Sakinah Bt Salleh atas bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan yang berterusan serta kepada Prof. Madya Dr Alwi bin Mohd Yunus atas segala panduan dan tunjuk ajar. Tanpa panduan dan nasihat daripada mereka, kajian ini tidak mungkin dapat disempurnakan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah dan staf akademik di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberikan ilmu dan kemahiran yang sangat berharga sepanjang tempoh pengajian saya. Tidak lupa, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas bantuan kewangan dan sumber-sumber yang disediakan oleh kementerian telah memberikan sumbangan besar dalam menjayakan kajian ini. Kepada suami tercinta, Ahmad Zulfakhri Husaini bin Zakaria, kata-kata tidak mampu menggambarkan betapa saya menghargai pengorbanan, sokongan dan kasih sayang yang telah diberikan. Terima kasih kerana sentiasa berada di sisi saya, mengorbankan masa dan tenaga demi kejayaan saya. Kepada keluarga tercinta, terutama kepada ibu bapa saya, Zuridah Bt Abd Karim dan Ammer Bin Hasan juga buat semua adik-beradik saya, terima kasih atas doa, kasih sayang dan sokongan moral yang tidak berbelah bagi. Kalian adalah sumber inspirasi dan kekuatan saya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat dan membantu dalam pelbagai cara. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua responden dan individu yang terlibat dalam kajian ini, serta semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung telah membantu dalam menjayakan kajian ini. Semoga segala usaha dan sumbangan semua pihak diberkati oleh Allah SWT dan dijadikan amal jariah yang berkekalan. Terima kasih.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran komunikasi *bil-Hikmah* ibu bapa dan anak dalam membimbing seksualiti remaja, menganalisis elemen-elemen utama komunikasi tersebut, serta mencadangkan satu model komunikasi *bil-Hikmah* yang berkesan berlandaskan nilai-nilai Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran (*mixed method*) secara eksploratori berturutan (*exploratory sequential mixed-method*) yang melibatkan dua fasa. Fasa pertama menggunakan pendekatan kualitatif melalui perbincangan kumpulan berfokus yang melibatkan 10 orang ibu bapa yang dipilih secara pensampelan bertujuan. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti cabaran dan elemen komunikasi *bil-Hikmah*. Fasa kedua pula menggunakan *Fuzzy Delphi Method* (FDM) bagi memperoleh kesepakatan pakar terhadap komponen model komunikasi yang dibina. Seramai 12 orang pakar yang terdiri daripada kaunselor sekolah, pensyarah dan pegawai kerajaan terpilih telah terlibat dalam fasa ini. Dapatan kajian menunjukkan empat cabaran utama dalam komunikasi *bil-Hikmah* iaitu pengaruh negatif media sosial, faktor sosial (seperti konflik keluarga dan pengaruh rakan sebaya), aspek pendidikan dan isu psikologi. Dapatan selanjutnya yang dikenal pasti adalah bimbingan ibu bapa, teladan yang baik, pengurusan emosi dan peranan institusi sebagai elemen utama komunikasi *bil-Hikmah*. Kajian ini mencadangkan satu model komunikasi *bil-Hikmah* yang mengintegrasikan nilai Islam bagi memperkukuh hubungan ibu bapa dan anak serta menyediakan garis panduan pendidikan seksualiti bersesuaian dengan budaya tempatan. Implikasi kajian ini memberi sumbangan kepada pembentukan dasar pendidikan, latihan guru, penghasilan sumber didikan serta penglibatan komuniti dalam usaha menyokong perkembangan seksualiti remaja secara holistik.





## THE COMMUNICATION MODEL OF *BIL-HIKMAH* BETWEEN PARENTS AND CHILDREN IN GUIDING ADOLESCENT SEXUALITY

### ABSTRACT

This study aims to identify the challenges of *bil-Hikmah* communication between parents and children in guiding adolescent sexuality, analyse the key elements of such communication and propose an effective *bil-Hikmah* communication model grounded in Islamic values. It adopts a mixed-methods approach using an exploratory sequential design consisting of two phases. The first phase employed a qualitative approach through focus group discussions involving 10 parents selected through purposive sampling and thematic analysis was conducted to identify the challenges and core elements of *bil-Hikmah* communication. The second phase applied the Fuzzy Delphi Method (FDM) to obtain expert consensus on the components of the proposed model, involving 12 selected experts comprising school counsellors, lecturers and government officers. The findings reveal four main challenges in *bil-Hikmah* communication, namely the negative influence of social media, social factors such as family conflict and peer influence, educational aspects and psychological issues. Additionally, the study identified parental guidance, role modelling, emotional management and the role of institutions as key elements in *bil-Hikmah* communication. This study proposed a *bil-Hikmah* communication model that integrates Islamic values to strengthen the parent child relationship and provide culturally appropriate guidelines for sexuality education. Its implications contribute to the development of educational policies, teacher training, educational resources and community engagement in supporting adolescents holistic sexual development.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.6.2 Guru-guru	9
1.6.3 Kaunselor	10
1.6.4 Masyarakat	10

1.7	Skop Kajian	11
1.8	Definisi Operasional	11
1.8.1	Komunikasi <i>bil-Hikmah</i> Ibu Bapa dan Anak	11
1.8.2	Bimbingan seksualiti	13
1.9	Rumusan	15
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	3
2.1	Pendahuluan	3
2.2	Kerangka Konsep	17
2.3	Definisi Komunikasi daripada sudut bahasa	23
2.3.1	Komunikasi menurut al-Quran	23
2.3.2	Komunikasi menurut Sarjana Barat	28
2.3.3	Komunikasi menurut Sarjana Islam	30
2.4	Definisi <i>Hikmah</i>	31
2.4.1	<i>Hikmah</i> menurut al-Quran dan al-Sunnah	31
2.4.2	<i>Hikmah</i> berdasarkan sirah	39
2.5	Prinsip Komunikasi Islam	43
2.6	Perbandingan Komunikasi Islam dan Barat	56
2.7	Isu Komunikasi Ibu Bapa dan Anak	58
2.8	Kesan Komunikasi Ibu Bapa Terhadap Isu Bimbingan Seksualiti	61
2.8.1	Bimbingan Seksualiti daripada Perspektif Islam	63
2.8.2	Stigma berkenaan Bimbingan Seksualiti	65
2.9	Rumusan	67
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	67
3.1	Pendahuluan	67
3.2	Reka Bentuk Kajian	67

3.2.1	Pendekatan Kajian	70
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	72
3.3.1	Populasi	72
3.3.2	Sampel Responden Kajian	73
3.4	Instrumen Kajian	76
3.5	Prosedur Kajian	77
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	78
3.7	Prosedur Analisis Data	78
3.7.1	Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)	81
3.7.2	Pemilihan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	81
3.7.3	Kaedah Analisis Data Menggunakan <i>Fuzzy Delphi</i>	82
3.7.4	Prosedur Menjalankan Kajian <i>Fuzzy Delphi</i>	85
3.8	Kesahan	86
3.8.1	Triangulasi Kajian	86
3.8.2	Pengesahan Responden kajian Terhadap Data Temu Bual	87
3.9	Kajian Rintis	88
3.10	Rumusan	89
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	90
4.1	Pendahuluan	90
4.2	Cabaran Komunikasi <i>bil-Hikmah</i> Ibu Bapa dan Anak	92
4.2.1	Pengaruh Negatif Media Sosial	93
4.2.2	Sosial	98
4.2.3	Pendidikan	111
4.2.4	Psikologi	121
4.3	Elemen Komunikasi <i>bil-Hikmah</i> Ibu Bapa dan Anak	125

4.3.1	Bimbingan Ibu Bapa	125
4.3.2	Pengurusan Emosi	133
4.3.3	Teladan yang Baik	141
4.3.4.	Peranan Institusi	144
4.4	Analisis <i>Fuzzy Delphi</i>	147
4.4.1	Dapatan daripada Elemen Utama Komunikasi <i>bil-Hikmah</i> Berdasarkan Analisis Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	149
4.4.2	Dapatan Item daripada Elemen Teladan yang Baik Berdasarkan Analisis Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	152
4.4.3	Dapatan Item daripada Elemen Pengurusan Emosi Berdasarkan Analisis Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	154
4.4.4	Dapatan Item daripada Elemen Peranan Institusi Berdasarkan Analisis Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	156
4.4.5	Dapatan Item daripada Elemen Bimbingan Ibu Bapa Berdasarkan Analisis Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i>	158
4.5	Model Komunikasi <i>bil-Hikmah</i> Ibu Bapa dan Anak dalam Membimbing Seksualiti Remaja	165
4.6	Rumusan	167
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN</b>	168
5.1	Pendahuluan	168
5.2	Cabaran Komunikasi <i>bil-Hikmah</i> Ibu Bapa dan Anak	169
5.2.1	Pengaruh Negatif Media Sosial	169
5.2.2	Sosial	171
5.2.3	Pendidikan	175
5.2.4	Psikologi	177

5.3	Elemen Komunikasi <i>bil-Hikmah</i> Ibu Bapa dan Anak	178
5.3.1	Teladan yang baik	179
5.3.2	Pengurusan Emosi	182
5.3.3	Peranan Institusi	185
5.3.4	Bimbingan Ibu Bapa	186
5.4	Implikasi Kajian	192
5.4.1	Implikasi Terhadap Ibu Bapa	193
5.4.2	Implikasi terhadap Pendidikan	194
5.4.3	Implikasi terhadap Polisi	196
5.4.4	Implikasi terhadap Komuniti	197
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	199
5.6	Kesimpulan	200
5.7	Rumusan	201
	<b>RUJUKAN</b>	203

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Latar Belakang Responden kajian	74
3.2	Senarai Pakar bagi <i>Fuzzy Delphi</i>	75
3.3	Perincian Borang Soal Selidik Kajian	77
3.4	Keterangan Skala Likert dalam Instrumen	77
3.5	Perbezaan Skala Likert dan Skala <i>Fuzzy</i> bagi 7 poin	83
3.6	Interpretasi Data Syarat 1	87
4.1	Dapatan Kajian Bagi Elemen Utama Komunikasi <i>bil-Hikmah</i>	150
4.2	Dapatan Kajian Bagi Elemen Teladan yang Baik	152
4.3	Dapatan Akhir Kajian Bagi Elemen Teladan yang Baik Berdasarkan Kesepakatan Pakar Melalui Kaedah <i>Fuzzy Delphi (FDM)</i>	153
4.4	Dapatan Kajian Bagi Elemen Pengurusan Emosi	154
4.5	Dapatan Akhir Kajian Bagi Elemen Pengurusan Emosi Berdasarkan Kesepakatan Pakar Melalui Kaedah <i>Fuzzy Delphi (FDM)</i>	155
4.6	Dapatan Kajian Bagi Elemen Peranan Institusi	156
4.7	Dapatan Akhir Kajian Bagi Elemen Peranan Institusi Berdasarkan Kesepakatan Pakar Melalui Kaedah <i>Fuzzy Delphi (FDM)</i>	157
4.8	Dapatan Kajian Bagi Elemen Bimbingan Ibu Bapa	158
4.9	Dapatan Akhir Kajian Bagi Elemen Bimbingan Ibu Bapa Berdasarkan Kesepakatan Pakar Melalui Kaedah <i>Fuzzy Delphi (FDM)</i>	159

5.0	Rumusan Akhir Bagi Keseluruhan Item Berdasarkan Kesepakatan Pakar Melalui Kaedah <i>Fuzzy Delphi (FDM)</i>	160
5.1	Jumlah Keseluruhan Item Selepas Proses <i>FDM</i>	161

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Model Komunikasi Interpersonal Islami menurut Na'imah & Septiningsih (2019)	18
1.2	Model Komunikasi Schramm (1954)	19
1.3	Kerangka konsep Model Komunikasi <i>bil-Hikmah</i>	21
3.1	<i>Exploratory Sequential Mixed Method.</i>	69
3.2	Reka Bentuk Kajian	70
3.3	Graf Segi Tiga Melawan Nilai <i>Triangular</i>	82
3.4	Carta alir prosedur pendekatan Kaedah <i>Fuzzy Delphi (FDM)</i>	85
4.1	Cabaran Komunikasi <i>bil-Hikmah</i> Ibu Bapa dan Anak	92
4.2	Prototaip Model Komunikasi <i>bil-Hikmah</i> Ibu Bapa dan Anak Dalam Membimbing Seksualiti Remaja	162
4.3	Model Komunikasi <i>bil-Hikmah</i> Ibu Bapa dan Anak dalam Membimbing Seksualiti Remaja	164

## SENARAI SINGKATAN

AS	Alaihissalam
Bohsia	Gadis muda yang seringkali dikaitkan dengan tingkah laku yang tidak senonoh atau bergaul bebas terutamanya dalam konteks kehidupan malam
Bojan	Lelaki muda yang sering terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral atau bersifat negatif seperti vandalisme, samseng, atau aktiviti jenayah kecil
FDM	Fuzzy Delphi Method
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
SAW	Sallallahu Alaihi Wasallam
SWT	Subhanahu wa Ta'ala



## SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Persetujuan Termaklum untuk Menjadi Responden kajian
- B Contoh Transkrip Temu bual Responden
- C Borang Soal Selidik Pakar
- D Kebenaran Etika Penyelidikan Manusia





## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pendahuluan

Apabila remaja memasuki zaman peralihan ke fasa kedewasaan, salah satu aspek yang penting dalam perkembangan mereka adalah pemahaman tentang seksualiti. Pendidikan seksualiti pula merupakan pendidikan seumur hidup yang melibatkan proses memperolehi maklumat, membentuk sifat, kepercayaan dan pegangan nilai seseorang (SIECUS, 2004). Oleh kerana itu, penting bagi ibu bapa untuk memainkan peranan yang proaktif dalam membimbing dan mendampingi anak-anak mereka dalam menjalani aspek sensitif ini.





Masalah seksualiti seperti seks bebas, LGBT dan ketagihan pornografi dalam kalangan remaja di Malaysia semakin kritikal dan jumlahnya semakin meningkat (Mohd Shahar, 2018). Laporan kajian (Hushim Salleh et al. (n.d.) mendapati lebih daripada 50% remaja pernah berbincang dengan rakan-rakan mengenai seks serta pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Sebanyak 64.4% remaja ini pernah membaca dan menonton gambar atau video lucah dan ingin mencuba selepas menontonnya. Antara faktor utama yang menyumbang kepada tingkah laku devian remaja ini adalah faktor tiada komunikasi yang baik daripada ibu bapa sehingga menyebabkan remaja mudah hilang kepercayaan terhadap ibu bapa untuk berkongsi masalah (Ithnin, 2021), khususnya dalam membincangkan isu-isu seksualiti. Keperluan kepada komunikasi yang baik amat penting dalam proses penyampaian maklumat yang bersifat dua hala agar dapat memberikan input sokongan dalam hubungan antara ibu bapa dan anak dalam membimbing seksualiti remaja.



Menurut Ulwan (1999), bimbingan seksualiti sebagai proses pengajaran dan kesedaran kepada anak mengenai perkara yang berkaitan dengan seks sama ada dorongan, keinginan dan aktiviti sehingga proses bimbingan tersebut membuatkan anak memahami perkara yang diharamkan dan dihalalkan. Bimbingan seksualiti perlu melalui beberapa proses dan tahap mengikut usia anak. Dapatan kajian Abdul Rahman (2020) berdasarkan karya Abdullah Nasih Ulwan mendapati bahawa untuk memberikan bimbingan seksualiti kepada anak, ibu bapa perlu mendidik anak dengan enam unsur iaitu adab meminta izin untuk memasuki bilik tidur ibu bapa, adab melihat, mencegah anak daripada pengaruh seks, hukum berkaitan orang baligh, perkahwinan dan perhubungan jantina dalam Islam serta menahan diri seandainya belum masa untuk berkahwin.





Oleh itu, menurut kajian Mohamad et al. (2019), komunikasi dilihat sebagai penghubung utama antara ibu bapa dan anak-anak dalam menyelesaikan sesuatu masalah serta perbincangan isu. Kegagalan ibu bapa menggunakan perkataan dan bahasa yang baik dalam berkomunikasi akan mewujudkan suasana persekitaran yang negatif dalam keluarga. Sutan et al. (2017) telah mencadangkan satu modul komunikasi ibu bapa dan anak dapat dibangunkan dalam aspek bagaimana ibu bapa dapat mewujudkan perasaan selesa dalam berkomunikasi dengan remaja mereka mengenai topik kesihatan seksual. Oleh itu, dalam kajian ini akan dilakukan tinjauan literatur yang menyeluruh tentang komunikasi ibu bapa dan anak, seksualiti remaja berdasarkan perspektif Islam serta konsep komunikasi *bil-Hikmah* dalam Islam.

Seterusnya, kaedah kajian kualitatif akan digunakan untuk memperoleh wawasan yang mendalam tentang bagaimana model komunikasi *bil-Hikmah* diterapkan dalam kehidupan harian oleh ibu bapa dan impaknya terhadap persepsi dan tingkah laku seksual remaja. Hasil kajian ini diharapkan akan memberikan sumbangan penting dalam pembangunan garis panduan dan strategi komunikasi yang lebih baik antara ibu bapa dan anak dalam konteks bimbingan seksualiti remaja.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Seksualiti remaja adalah aspek penting dalam kehidupan remaja yang melibatkan pemahaman tentang identiti seksual, hubungan interpersonal dan tanggungjawab dalam menjaga kesihatan seksual. Namun, dalam masyarakat moden yang semakin kompleks, remaja sering kali dihadapkan kepada pelbagai tentangan dan tekanan yang dapat





mempengaruhi perkembangan dan pengelolaan seksualiti remaja. Oleh kerana itu, ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam membimbing remaja memahami dan menghormati nilai-nilai seksual dalam konteks agama, budaya dan moral.

Dalam aspek bimbingan seksualiti remaja, komunikasi merupakan hal yang terpenting perlu dititikberatkan kerana komunikasi ibu bapa bukan sahaja memberi kesan perkembangan keperibadian anak-anak bahkan juga memberi kesan kepada tingkah laku dan sistem kepercayaan anak tersebut (Ismail et al., 2020). Allah SWT meletakkan satu perlembagaan yang syumul iaitu menyeluruh terhadap kandungan dan pengetahuan al-Quran sehingga ia mampu menjawab seluruh permasalahan manusia sepanjang perjalanan kehidupan. Berikut adalah firman Allah dalam surah al-Nahl:



وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ

"Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan, bagi orang-orang Islam." (Al-Nahl, 16:89)

Oleh itu, dalam berkomunikasi dengan seseorang hendaklah disampaikan secara berhikmah, terkandung nilai, kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik agar orang yang mendengar dapat menerimanya dengan baik dan atas kerelaan sendiri. Komunikasi yang dilaksanakan dengan baik sesuai dengan tuntunan al-Quran dan hadis akan menyentuh hati manusia dan merangsang kesedaran untuk menerima. Ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah al-Nahl:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik” (Al-Nahl, 16:125)





Menurut Erni (2017), ibu bapa mulai memberikan pemahaman tentang seksualiti disertai dengan penerapan moral yang baik kepada anak seawal mungkin melalui komunikasi interpersonal dalam keluarga. Beliau juga menekankan pentingnya pendidikan seksualiti ini dan bahayanya kesan yang terjadi jika anak tidak mendapat pendidikan seksualiti tersebut. Hal ini menunjukkan keperluan yang sangat bermakna terhadap kajian komunikasi *bil-Hikmah* ibu bapa dan anak dalam membimbing seksualiti remaja.

Melalui kajian ini yang melibatkan ibu bapa dan panel pakar, pengkaji dapat menganalisis persepsi, pengalaman dan impak dari model komunikasi *bil-Hikmah* dalam konteks keluarga. Hasil kajian ini kelak akan memberi sumbangan kepada ibu bapa, sekolah, kaunselor, NGO dan juga masyarakat umumnya dalam mengamalkan komunikasi seharian. Oleh itu, kajian yang dijalankan memainkan peranan yang penting dalam membantu membendung masalah seksualiti yang semakin meningkat pada zaman sekarang dalam kalangan remaja dengan kaedah komunikasi yang berkesan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Senario semasa di Malaysia menunjukkan peningkatan kebimbangan terhadap kemerosotan nilai dan moral remaja, terutamanya yang melibatkan isu-isu seksual seperti seks bebas, LGBT, dan ketagihan pornografi. Statistik yang dilaporkan oleh pelbagai pihak menyokong hujah bahawa masalah ini semakin meruncing. Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 2018 menunjukkan Malaysia berada di tangga keempat dalam kalangan negara dengan kes kehamilan luar nikah tertinggi, yang





majoritinya melibatkan remaja (Sahib, 2019). Fenomena ini membuktikan bahawa isu moral dan seksual dalam kalangan remaja adalah masalah kritikal yang memerlukan perhatian segera.

Tambahan pula, masalah komunikasi yang tidak efektif antara ibu bapa dan anak telah dikenal pasti sebagai salah satu punca utama isu ini. Menurut Xiao et al. (2011), komunikasi yang tidak berkesan dalam keluarga menjadi faktor risiko kepada kelemahan penyesuaian psikososial remaja. Kesannya, remaja cenderung mencari maklumat berkaitan seksualiti daripada sumber yang tidak sah seperti rakan sebaya atau internet, yang sering kali mengandungi unsur-unsur tidak bermoral (Abd Manaf et al., 2013). Hal ini menggambarkan pentingnya komunikasi keluarga yang efektif sebagai mekanisme perlindungan terhadap pengaruh negatif dalam kalangan remaja.



Lebih membimbangkan, laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan peningkatan kes remaja perempuan yang tidak terkawal berbanding remaja lelaki, iaitu sebanyak 2,424 kes berbanding 1,244 kes dalam tempoh lima tahun (JKM, 2016). Selain itu, data Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan 44,263 kes kehamilan remaja dalam tempoh lima tahun, di mana 17,646 kes melibatkan remaja yang belum berkahwin (Kawi, 2024). Statistik ini menegaskan bahawa komunikasi yang lemah antara ibu bapa dan anak telah menyumbang kepada peningkatan masalah sosial yang berkaitan dengan seksualiti.

Pendekatan sedia ada seperti Modul Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Modul Cakna Diri oleh LPPKN adalah usaha positif, namun kurang memberi penekanan kepada aspek





komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak. Kajian Abu Bakar (2015) turut menyokong pandangan ini dengan menegaskan bahawa pola komunikasi berorientasikan perbualan rendah dalam keluarga menjadi punca utama jurang antara generasi. Dalam konteks ini, komunikasi yang berpaksikan *hikmah* sangat diperlukan untuk mengisi kelompangan tersebut dan mewujudkan hubungan yang lebih mesra dan terbuka antara ibu bapa dan anak.

Kajian juga menunjukkan bahawa model komunikasi keluarga yang mengambil kira nilai budaya dan norma masyarakat Malaysia masih kurang diteroka secara mendalam. Sebagai contoh, Keshavarz et al. (2009) mendapati bahawa pendekatan keibubapaan di Malaysia lebih kolektif berbanding pendekatan Barat yang individualistik. Namun, elemen ini sering terlepas pandang dalam teori komunikasi yang dikembangkan oleh sarjana Barat seperti Koerner dan Fitzpatrick (2006), yang tidak mengambil kira tatacara budaya dan adat tempatan.

Oleh itu, adalah penting untuk membangunkan model komunikasi yang sesuai dengan konteks budaya Malaysia, berlandaskan prinsip Islam seperti *hikmah*, akhlak, dan keadilan. Model ini bukan sahaja dapat membantu ibu bapa mendekati remaja dengan lebih bijaksana, tetapi juga berpotensi menangani masalah moral dan seksual remaja secara holistik. Kajian ini bertujuan untuk membina Model Komunikasi *bil-Hikmah* Ibu Bapa dan Anak yang diharap dapat menjadi panduan dalam membimbing remaja ke arah kehidupan yang lebih bermoral dan harmoni.





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengenal pasti cabaran komunikasi *bil-Hikmah* ibu bapa dalam membimbing seksualiti remaja.
2. Menganalisis elemen-elemen komunikasi *bil-Hikmah* ibu bapa dan anak yang sesuai dalam membimbing seksualiti remaja.
3. Mencadangkan model komunikasi *bil-Hikmah* ibu bapa dan anak yang berkesan dalam membimbing seksualiti remaja.

## 1.5 Persoalan Kajian



Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

1. Apakah cabaran komunikasi *bil-Hikmah* ibu bapa dalam membimbing seksualiti remaja?
2. Apakah elemen-elemen komunikasi *bil-Hikmah* ibu bapa dan anak yang sesuai dalam membimbing seksualiti remaja?
3. Bagaimana model komunikasi *bil-Hikmah* ibu bapa dan anak yang berkesan dalam membimbing seksualiti remaja?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan mengemukakan satu Model Komunikasi *bil-Hikmah* bagi mengatasi





masalah seksualiti dalam kalangan remaja. Model ini akan menjadi panduan dan sumber rujukan ibu bapa, kaunselor sekolah dan masyarakat dalam pendekatan komunikasi berkesan bagi membimbing dan memberikan pengetahuan seksualiti kepada remaja.

### **1.6.1 Ibu bapa**

Kajian ini adalah sangat penting kepada ibu bapa kerana dapat memberikan panduan praktikal dan berlandaskan nilai-nilai moral dalam mendidik anak-anak mengenai isu seksualiti. Dengan memahami prinsip-prinsip seperti kejujuran, kelembutan, dan kejelasan dalam komunikasi, ibu bapa dapat membina hubungan yang lebih kukuh dan penuh kepercayaan dengan anak-anak mereka, menjadikan perbincangan mengenai topik sensitif seperti seksualiti lebih terbuka dan berkesan. Selain itu, kajian ini juga menekankan penggunaan teknologi dalam bimbingan, yang membolehkan ibu bapa mengakses sumber-sumber pendidikan yang sah dan relevan untuk menyokong anak mereka. Kesimpulannya, kajian ini bukan sahaja membantu ibu bapa dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan bermakna, tetapi juga menyumbang kepada pembentukan persekitaran keluarga yang positif dan menyokong perkembangan holistik anak-anak mereka.

### **1.6.2 Guru-guru**

Hasil dapatan kajian ini dapat membantu guru mendekati remaja yang berisiko untuk





terlibat dalam salah laku seksual dan memberikan didikan yang tidak mereka peroleh dari rumah. Kebanyakan remaja yang bermasalah ini, mereka tidak ada tempat untuk berkomunikasi. Oleh itu, guru memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan maklumat dan menjadi pendengar yang baik buat remaja tersebut. Guru-guru dapat menggunakan model komunikasi *bil-Hikmah* ini sebagai panduan yang berkesan untuk mendekati golongan remaja yang dilihat cenderung untuk terjebak dalam salah laku seksual.

### 1.6.3 Kaunselor

Hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh kaunselor sekolah untuk mengendalikan kes-kes disiplin yang melibatkan salah laku seksual. Kaunselor dapat menyampaikan komunikasi yang terbaik dan efektif dalam memahami keadaan serta masalah yang dihadapi oleh remaja yang terlibat dengan masalah seksual.

### 1.6.4 Masyarakat

Hasil kajian ini akan menyumbang ke arah meningkatkan kualiti kesejahteraan keluarga serta masyarakat. Model yang dibangunkan akan menjadi panduan agensi seperti LPPKN, JKM dan NGO dalam memberikan panduan dalam menjalankan intervensi kepada remaja sekali gus ini dapat membantu menangani dan mencegah gejala sosial dalam masyarakat khususnya dan negara amnya.





## 1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini melibatkan ibu bapa yang mempunyai anak remaja dan mempunyai pengalaman dalam memberikan bimbingan seksualiti kepada remaja. Pengalaman ini penting untuk memahami cabaran yang mereka hadapi dan elemen komunikasi yang mereka gunakan. Selain itu, kajian ini juga melibatkan sekumpulan pakar yang terdiri daripada kaunselor sekolah, pakar kaunseling, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pegawai bahagian Reproduktif Manusia (LPPKN) dan pensyarah dalam bidang. Ia adalah bertujuan untuk mendapatkan pengesahan elemen bagi pembangunan model.

## 1.8 Definisi Operasional



Dalam kajian ini, pengkaji akan memaparkan beberapa definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi ini membantu dalam memahami istilah yang dibincangkan dalam kajian.

### 1.8.1 Komunikasi *bil-Hikmah* Ibu Bapa dan Anak

Komunikasi adalah usaha bagi menyampaikan pesan, maklumat, pemikiran, gagasan dan pendapat yang dilakukan oleh individu. Ini merupakan satu proses penyampaian pesanan individu kepada individu yang lain untuk memberitahu, mengubah sikap, pendapat atau tingkah laku sama ada secara langsung secara lisan atau bukan lisan (Sapienza et al., 2015). *Al-Hikmah* adalah perkataan Arab dengan kata jamaknya *hikam*.





Hikmah atau hikmat juga kini sudah biasa digunakan dalam bahasa Melayu. Dari segi bahasa, hikmah bererti ilmu, kepandaian, kebijaksanaan dan kesaktian. Kata-kata hikmat bermaksud kata-kata yang mempunyai maksud yang mendalam. Dari segi istilah, hikmah bermaksud meletakkan setiap sesuatu pada tempatnya dengan panduan akal atau hasil buku dan dibenarkan pula oleh matlamat yang dikehendaki dalam sesuatu urusan (Wan Ibrahim, 2022). Sebagaimana Ibnu Hajar al-'Asqalani pernah menyebut di dalam kitab (al-A'sqalani, 1986):

وأصح ما قيل في الحكمة انها وضع الشيء في محله

“Makna yang paling benar daripada al-hikmah adalah menempatkan sesuatu pada tempatnya.”

*Hikmah* adalah meletakkan sesuatu tepat pada tempatnya. Kelembutan diletak di mana

Allah meletakkannya, ketegasan dan kekerasan pula diletakkan di mana Allah meletakkannya.



فِيمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لَئِن تَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ

“Maka dengan sebab rahmat dari Allah, engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka, dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu”. (Ali-'Imran, 3:159)

Oleh itu, komunikasi *bil-Hikmah* ibu bapa dan anak adalah suatu komunikasi yang digunakan oleh ibu bapa atau anak dengan mengetahui keadaan untuk berkomunikasi. Ibu bapa atau anak tahu tahap pemikiran, keadaan jiwa mereka, malah amat baik juga untuk memahami aspek-aspek budaya, kepercayaan dan cara hidup mereka.





Mohd Zin (2001) menyebut satu perkara yang sangat sukar untuk menentukan makna *hikmah* ialah secara teorinya. Secara mudah, *hikmah* bererti bijaksana. Bijaksana bererti sesuatu yang sesuai. Manakala sesuai pula bergantung kepada keadaan. Sesuatu tindakan boleh menjadi sesuai bagi seseorang, tetapi tidak sesuai bagi orang lain. Ia menjadi sesuai bagi satu masa, tetapi tidak sesuai dengan masa lain. Dengan itu, tindakan itu *hikmah* bagi seseorang atau bagi masa tertentu, tetapi tidak *hikmah* bagi orang lain atau masa yang lain. Maka, *hikmah* berkait rapat dengan keadaan untuk menentukan ia bersesuaian.

### 1.8.2 Bimbingan seksualiti

Bimbingan seksualiti boleh digambarkan dengan pelbagai konsep dan definisi. Ia merangkumi perkembangan seksual, reproduksi manusia, kesihatan, hubungan interpersonal, perasaan kasih sayang, hubungan rapat, bahasa badan dan peranan gender seseorang (Ang, 2014). Perasaan ingin tahu akan mendorong kanak-kanak dan remaja untuk mendapatkan maklumat berkaitan seks daripada pelbagai sumber tanpa mengira maklumat itu benar ataupun tidak. Pengetahuan tentang seksualiti tidak hanya dari maklumat ibu bapa, bahkan remaja boleh memperolehnya daripada pelbagai sumber seperti sekolah, rakan, media massa termasuk internet (Lestari, 2011).

Oleh itu bagi mengelak mereka mendapat maklumat yang salah, maka sewajarnya isu ini diberikan penekanan dan diambil tanggungjawab untuk menyampaikan maklumat berkaitan seksual (Said, 2017). Banyak kajian yang dijalankan menunjukkan keperluan pendekatan bimbingan keibubapaan yang berbeza





dalam menangani golongan Y yang terdedah kepada pengaruh sosial media yang menjadi kecenderungan para remaja hari ini. Menurut Wan Sulaiman et al. (2014), faktor seperti umur, jantina, keagamaan, kepercayaan peribadi dan sikap terhadap seks boleh mempengaruhi tingkah laku remaja dalam menjaga kehormatan seksualiti.

Muhammad et al., (2017) pula menyatakan walaupun didikan agama merupakan satu cara mencegah remaja dari terjebak dalam aktiviti seksual, namun dalam satu keadaan didikan agama tetap tidak berkesan apabila dorongan dan keinginan seksual remaja berada di luar kawalan. Ibu bapa perlu melihat ini sebagai satu cabaran besar yang perlu ditangani sewajarnya agar bimbingan seksualiti berkesan dapat diberikan sekali gus isu seks bebas dalam kalangan remaja dapat ditangani.

Menurut Aziz et al. (2019), elemen-elemen dalam institusi kekeluargaan seperti gaya asuhan dan pemantauan ibu bapa sangat mempengaruhi tingkah laku remaja. Bagi memahami maksud bimbingan seksualiti yang menjadi fokus kajian ini, ia merujuk kepada proses pembelajaran sepanjang hayat yang melibatkan beberapa dimensi seksualiti iaitu memberi maklumat, membina nilai, membina kemahiran interpersonal dan membina konsep bertanggungjawab terhadap diri sendiri (Wazakili, 2010). Tetapi konsep bimbingan seksualiti atau tingkah laku menjaga kehormatan seksual seperti yang dijalankan di Barat adalah sedikit berbeza daripada konteks sosial dan budaya, maka dapatan yang diperolehi tersebut tidak semuanya dapat diaplikasikan sepenuhnya dalam konteks budaya Malaysia.





## 1.9 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini menerangkan dengan terperinci tentang pendahuluan kajian yang meliputi aspek-aspek pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi istilah perkataan yang tertentu. Selain itu, menerangkan pengenalan mengenai masalah seksual dalam kalangan remaja, keperluan dan kepentingan menerapkan komunikasi *bil-Hikmah* ibu bapa dan anak dalam membimbing seksualiti remaja. Diharapkan model yang dibangunkan dapat menjadi rujukan dan panduan kepada pihak ibu bapa, guru-guru, kaunselor, LPPKN, JKM dan NGO dalam memberikan bimbingan seksualiti kepada remaja sekaligus menangani isu gejala sosial di Malaysia.

